

24 APR 2001

Abdullah-polis (Bergambar)

PDRM DIBEKAL PERALATAN CANGGIH HADAPI PENJENAYAH HEBAT

TUMPAT, 24 April (Bernama) -- Kerajaan akan meningkatkan latihan serta memperbanyakkan peralatan canggih kepada Polis Diraja Malaysia (PDRM) bagi menentukan keamanan dan keselamatan negara terjamin, kata Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Beliau berkata kemahiran yang tinggi serta peralatan canggih amat penting kerana penjenayah dan puak-puak yang mengancam keselamatan negara juga semakin hebat.

"Mereka (penjenayah) juga akan menggunakan alat-alat dan senjata yang hebat, mungkin mereka juga akan menggunakan alat-alat komunikasi ICT yang hebat-hebat, jadi PDRM mesti mampu menghadapi semua itu dengan kebolehan dan kecekapan yang lebih tinggi menggunakan kelengkapan yang lebih canggih," katanya.

Abdullah yang juga Menteri Dalam Negeri berkata demikian kepada pemberita selepas mendengar taklimat Ops Wawasan membabitkan kawasan sempadan Malaysia/Thailand di Kelantan di Pangkalan Polis Marin di sini hari ini.

"Ini sahajalah yang dapat kita buktikan kepada mereka yang ada niat untuk mengancam negara kita dengan membuat kacau, inilah amaran kepada mereka supaya apa yang mereka lakukan itu tidak akan berjaya kerana pihak yang menjaga keamanan lebih berkeupayaan untuk menghadapi mereka," katanya.

Beliau berkata penyediaan latihan serta banyak peralatan canggih kepada PDRM akan dilakukan melalui peruntukan RM10.8 bilion kepada sektor keselamatan berdasarkan Rancangan Malaysia Kelapan (RMK8) yang dibentangkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Dewan Rakyat semalam.

Abdullah berkata kejayaan program-program dalam RMK8 bergantung kepada keamanan dan keselamatan negara.

"Kalau negara kita aman dan selamat, Insyaallah kita akan dapat menjayakan semua program itu seperti tahun-tahun dulu semasa kita juga menikmati keamanan dan keselamatan," katanya.

Timbalan Perdana Menteri berkata keamanan dan keselamatan negara dihasilkan oleh pasukan keselamatan termasuk PDRM, Angkatan Tentera Malaysia dan agensi penguatkuasa lain.

"Walaupun kita menghadapi kegawatan ekonomi bermula 1998 tetapi negara kita masih berada dalam keadaan selamat dan politik masih stabil, oleh itu usaha pemulihan ekonomi kita telah berjaya," katanya.

Mengenai usaha membanteras penyeludupan di kawasan sempadan, Abdullah berkata pasukan keselamatan yang terdiri daripada beberapa agensi termasuk polis, Unit Pencegah Penyeludupan (UPP), Imigresen dan Kastam akan terus memperhebatkan operasi dan kawalan supaya penyeludupan senjata api, dadah dan kemasukan pendatang tanpa izin dapat dihapuskan.

"Cubalah kita fikir kalaulah senjata api itu dibawa masuk begitu banyak kerana mereka (pasukan keselamatan) tidak kawal atau dadah masuk ke negara ini tanpa terkawal, ini akan membahayakan masyarakat, inilah yang kita tak mahu berlaku,"

Ditanya mengenai anggota pasukan keselamatan yang diserang oleh penyeludup ketika membuat rondaan di sempadan Malaysia/Thailand di Kelantan, Abdullah berharap anggota yang keluar menjalankan operasi sentiasa berada dalam keadaan yang cukup bersedia.

"Itu semua merupakan bahaya yang mereka akan hadapi, kerja untuk membanteras penyeludupan bukan kerja senang," katanya.

Mengenai pengkuatkuasaan di Sungai Golok, yang menjadi sempadan Malaysia/Thailand di Kelantan, Abdullah berkata antara yang boleh digunakan ialah bot canggih yang dibina oleh MARA Shipyard yang mempunyai kelajuan 35 knot dengan kemampuan berhenti serta merta dan membuat pusingan 360 darjah.

Kerajaan telah menerima 12 daripada 20 buah bot berkenaan yang ditempah dari syarikat itu untuk digunakan di seluruh negara.

"Nak mengejar dan mengepung penyeludup kini lebih senang dengan bot yang canggih ini," katanya.

Beliau sebelum itu menyaksikan demontrasi pergerakan bot canggih itu yang dinamakan "PENYENGAT 4" di muara Sungai Golok.

Terdahulu dalam ucapannya, Abdullah berkata sebanyak 20 kabin bergerak akan dibina untuk anggota pasukan keselamatan yang bertugas di sempadan.

Beliau berkata kerajaan sentiasa mengambil berat kebajikan anggota pasukan keselamatan yang bertugas di sempadan.

Abdullah juga mengucapkan terima kasih kepada orang ramai terutamanya penduduk di kawasan sempadan yang memberi kerjasama kepada pasukan keselamatan dengan menyalurkan maklumat mengenai kegiatan yang menyalahi undang-undang.

-- BERNAMA

BD MAI